




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (38)
Tarikh : 6 Mac 2026

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./Ir./Tuan/Puan,

**PERATURAN BAYARAN PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI
TAHUN 2026 KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2026 kepada semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri sebanyak 0.5 bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Pelaksanaan pemberian BKKA Tahun 2026 adalah seperti mana Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 1 Tahun 2026 rujukan PSUKPP.BPSM.100-1/3/1 (3) bertarikh 6 Mac 2026.

3. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi tatacara pembayaran BKKA seperti berikut:

a) Pembayaran Melalui Sistem Berkomputer (iSPEKS)

- i. Cetak Laporan G004 (Senarai Edit Pembayaran Bonus);
- ii. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 1 Tahun 2026;
- iii. Kemas kini data sebenar ke dalam sistem iSPEKS
- iv. Sahkan Laporan G004 yang telah dikemas kini dengan kenyataan berikut; dan

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pindaan yang dibuat adalah tepat dan betul. Sekiranya terdapat lebihan/kurangan, jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat pelarasan sewajarnya.”

.....
(Tandatangan & Cap Jabatan)

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (38)
Tarikh : Mac 2026

- v. Pastikan tindakan a(i) hingga a(iv) dilaksanakan pada **6 Mac 2026** dan laporan yang telah disahkan hendaklah dikemukakan ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) pada hari yang sama sebelum jam **4.00 petang**.

b) Pembayaran Melalui Arahan Bayaran

- i. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 1 Tahun 2026; dan
- ii. Sediakan Arahan Bayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar dengan melampirkan salinan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) sebagai dokumen sokongan.

c) Kod Akaun

Kod Akaun yang perlu digunakan bagi bayaran BKKA adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Awam
B0229306	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Kerajaan & Pekerja Sambilan Serta Tidak Menyandang Jawatan Tetap

d) Tanggungjawab Ketua Jabatan dalam Pelaksanaan Bayaran BKKA

- i. Memastikan bayaran BKKA dibuat kepada pegawai yang layak selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 1 Tahun 2026; dan
- ii. Memastikan Penyata Kew. 8 bayaran BKKA disediakan dan direkodkan di dalam buku perkhidmatan pegawai.

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (38)
Tarikh : 6 Mac 2026


4. Tarikh pembayaran BKKA Tahun 2026 adalah pada 13 Mac 2026. Pembayaran BKKA adalah di bawah tanggungan jabatan mengikut pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./Ir./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ : 604-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

s.k. : YB Pegawai Kewangan Negeri

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

zu/bkka/mac26